

Agensi Mampu JPM dapat ketua pengarah baru

Bername - April 22, 2020 11:27 AM



Yusof Ismail. (Gambar Bernama)

PUTRAJAYA: Yusof Ismail dilantik sebagai ketua pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) berkuatkuasa hari ini, demikian umum Ketua Setiausaha Negara, Mohd Zuki Ali.

Yusof, 58, berkhidmat dengan perkhidmatan awam selama 32 tahun, dengan jawatan pertama yang disandanginya penolong setiausaha di bahagian ekonomi Kementerian Kewangan pada 12 Jan 1988.

Zuki dalam kenyataan hari ini berkata Yusof berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kewangan, pelaburan strategik dan ekonomi.

Beliau pernah berkhidmat sebagai timbalan ketua pengarah (transformasi dan pemodenan pengurusan) Mampu, serta pernah menjawat setiausaha bahagian (pelaburan strategik) di Kementerian Kewangan.

"Semoga dengan pelantikan ini, kecekapan dan keberkesanan Mampu melaksanakan transformasi kerajaan digital ke arah penawaran perkhidmatan yang berpaksikan rakyat diperkasakan," kata Zuki.

Yusof menggantikan Mazlan Yusoff yang dilantik sebagai ketua setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi berkuatkuasa pada 23 Mac.

WAKTU BERBUKA

Tarikh	Hari	Imsak	Berbuca
1/5	Jumaat	5.43	7.20
2/5	Sabtu	5.43	7.20
3/5	Ahad	5.43	7.20
4/5	Isnin	5.42	7.20
5/5	Selasa	5.42	7.20
6/5	Rabu	5.42	7.20
7/5	Khamis	5.42	7.20

Date us this Ramadan.
Yusof Tahirah
GrabMart | mySUD

MORE STORIES

- New ITF guidelines paint bleak picture for fans in post-virus tennis
May 2, 2020 4:00 PM
- Singapore extending suspension of Rapid Transit System for 'last time'
May 2, 2020 3:59 PM
- India makes tracing app compulsory for all workers
May 2, 2020 3:38 PM
- New ITF guidelines paint bleak picture for fans in post-virus tennis
May 2, 2020 4:00 PM
- Singapore extending suspension of Rapid Transit System for 'last time'
May 2, 2020 3:59 PM